

Doa Meminta Kesempurnaan Islam, Iman dan Ihsan

Persoalan:

Boleh ustaz tuliskan semula doa yang ustaz baca berkenaan “memohon kesempurnaan Islam, Iman dan Ihsan” selepas solat sebentar tadi.

Jawapan:

Doa yang saya bacakan adalah seperti berikut:

“Ya Allah, sempurnakanlah Islam dalam diri kami.

Ya Allah, sempurnakanlah Iman dalam diri kami.

Ya Allah, sempurnakanlah Ihsan dalam diri kami.

Ya Allah, sempurnakanlah Islam, Iman dan Ihsan dalam diri kami ketika Engkau mengambil nyawa kami.

Ya Allah, sempurnakanlah agamaMu dalam diri kami ketika Engkau mengambil nyawa kami.”

Penjelasan:

Nikmat terbesar yang dikurniakan Allah ﷻ kepada kita adalah nikmat Islam dan Iman. Ia adalah asas keselamatan dan kejayaan di dunia dan Akhirat. Manakala Ihsan adalah kesempurnaan

Q & A Penuntut Ilmu

seseorang itu dalam melakukan ibadah kepada Allah dengan *mushahadah* atau *muraqabah*. Islam, Iman dan Ihsan adalah tiga asas agama seperti mana yang diterangkan di dalam hadith Jibril عليه السلام.

Hadith Jibril عليه السلام adalah merujuk kepada hadith di mana Saidina Jibril عليه السلام datang kepada Rasulullah ﷺ dalam rupa manusia dan bertanya kepada Baginda ﷺ lima soalan: berkenaan Islam, Iman, Ihsan, Hari Kiamat dan Tanda-tanda Hari Kiamat. Ia adalah hadith yang sangat masyhur dan dikenali sebagai hadith Umm al-Sunnah. Ia adalah hadith ke-2 di dalam Arba'in Nawawiyah.

Doa tersebut adalah bagi memohon kesempurnaan nikmat bagi ketiga-tiga cabang agama di atas. Dan kita memohon kesempurnaan ketiga-tiga martabat/cabang Shariat ini sewaktu nyawa kita dicabut agar kita wafat di atas sebaik-baik keadaan.

Berkaitan dengan doa memohon kesempurnaan nikmat ini, pernah pada satu ketika Rasulullah ﷺ mendengar seorang lelaki berdoa:

اللَّهُمَّ إِنِّي أَسْأَلُكَ تَمَامَ النِّعْمَةِ

“Ya Allah, sesungguhnya aku memohon daripadaMu kesempurnaan nikmat.”

Lalu Baginda ﷺ bertanya:

أَيُّ شَيْءٍ تَمَامُ النِّعْمَةِ؟

“Apakah itu kesempurnaan nikmat?.”

Lelaki tersebut berkata:

دَعْوَةٌ دَعَوْتُ بِهَا أَرْجُو بِهَا الْخَيْرَ

“Ia adalah satu doa yang aku berdoa dengannya dan aku berharap dengannya kebaikan.”

Rasulullah ﷺ pun bersabda:

فَإِنَّ مِنْ تَمَامِ النِّعْمَةِ دُخُولَ الْجَنَّةِ وَالْفَوْزَ مِنَ النَّارِ

“Sesungguhnya di antara kesempurnaan nikmat itu adalah memasuki syurga dan berjaya/selamat dari api neraka.”

T: (al-Tirmidhī (279H), - al-Jāmi‘ al-Kabīr (Sunan al-Tirmidhī)),
No. 3527 dan beliau berkata: (هَذَا حَدِيثٌ حَسَنٌ)

وَاللَّهُ أَعْلَمُ وَعِلْمُهُ أَتَمُّ

Disediakan oleh al-faqīr ilā Allāh al-Ghanī al-Ḥamīd:
Dr. Abdullaah Jalil, Nilai, Negeri Sembilan.

<https://penuntutilmu.com>